

AMALAN PEMBELAJARAN DENGAN REKA BENTUK PENILAIAN PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH (ODL) DALAM KALANGAN PELAJAR DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

[THE PRACTICE OF LEARNING AND ASSESSMENT DESIGN IN OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL) AMONG HIGHER EDUCATION STUDENTS]

ALEXZANDA NGU^{*1} & FARIZA KHALID²

^{1*} Online Distance Learning ODL, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

² Pusat kajian inovasi pembelajaran & pengajaran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: fariza.khalid@ukm.edu.my

Received: 24 June 2025

Accepted: 26 July 2025

Published: 18 August 2025

Abstrak Kajian ini menilai reka bentuk penilaian dalam program Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (Open and Distance Learning,) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan memberi tumpuan kepada pandangan pelajar dan cadangan penambahbaikan agar selari dengan prinsip Pembelajaran Sepanjang Hayat. Pendekatan campuran kuantitatif dan kualitatif digunakan, melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik dan temu bual separa berstruktur. Seramai 11 peserta dipilih secara persampelan bertujuan, terdiri daripada pelajar ODL UKM sepenuh masa dan separuh masa daripada pelbagai latar belakang kerjaya, termasuk pendidik, pegawai pemasaran, jurutera komunikasi, aktivis, pegawai bank, pegawai Jabatan Pendidikan Negeri, dan penceramah bebas. Temu bual dijalankan secara maya melalui platform Zoom atau Google Meet, disokong dengan pemerhatian dan analisis dokumen bagi memastikan triangulasi data. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema utama berkaitan keberkesanan dan cabaran reka bentuk penilaian. Dapatan kajian menunjukkan fleksibiliti masa, pelaksanaan sepenuhnya dalam talian, dan tempoh pengajian yang lebih singkat menjadi faktor tarikan utama pelajar memilih ODL. Walau bagaimanapun, beberapa isu dikenal pasti, termasuk keperluan meningkatkan interaktiviti penilaian, sokongan rakan sebaya, dan pendekatan penilaian yang lebih autentik. Kajian ini mencadangkan penambahbaikan seperti penggunaan forum interaktif, tugas kolaboratif, dan kaedah penilaian berasaskan projek yang relevan dengan dunia pekerjaan. Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan bahawa ODL berpotensi menjadi pendekatan pendidikan masa hadapan yang fleksibel, inklusif, dan efektif sekiranya reka bentuk penilaian dilaksanakan secara strategik.

Kata Kunci: persepsi pelajar, reka bentuk penilaian, pembelajaran terbuka dan jarak jauh, pembelajaran sepanjang hayat.

Abstract: This study evaluates the assessment design in the Open and Distance Learning (ODL) program at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), focusing on students' perceptions and suggestions for improvement in line with the principles of Lifelong Learning. A mixed-methods approach was employed, involving data collection through questionnaires and semi-structured interviews. A total of 11 participants were purposively selected, comprising full-time and part-time ODL students from diverse professional backgrounds, including educators, marketing officers, communication engineers, activists, bankers, state education department officers, and independent speakers. Interviews were conducted virtually via Zoom or Google Meet, complemented by observations and document analysis

to ensure data triangulation. Thematic analysis, based on Braun and Clarke's (2006) six-step framework, was used to identify key themes on the effectiveness and challenges of the assessment design. Findings reveal that time flexibility, fully online delivery, and shorter study duration are the main factors attracting students to ODL. However, several issues emerged, including the need to enhance assessment interactivity, peer support, and more authentic assessment approaches. Recommendations include integrating interactive forums, collaborative assignments, and project-based assessments relevant to workplace demands. Overall, the study confirms that ODL has the potential to be a flexible, inclusive, and effective educational approach for the future, provided that assessment design is strategically implemented.

Keywords: students' perceptions, assessment design, open and distance learning, lifelong learning.

Cite This Article:

Alexzanda Ngu & Fariza Khalid. (2025). Amalan Pembelajaran dengan Reka Bentuk Penilaian Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh (ODL) Dalam Kalangan Pelajar Di Institut Pengajian Tinggi [The Practice Of Learning And Assessment Design In Open And Distance Learning (ODL) Among Higher Education Students]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(4): 18-32.

PENGENALAN

Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (Open and Distance Learning, ODL) merupakan satu pendekatan pendidikan yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran secara fleksibel tanpa memerlukan kehadiran fizikal di bilik darjah. Dalam era globalisasi dan transformasi digital, ODL muncul sebagai salah satu strategi pendidikan yang penting untuk memperluas akses ilmu pengetahuan, terutama bagi golongan yang berdepan kekangan geografi, masa, kewangan, atau tanggungjawab sosial. Pendekatan ini memanfaatkan sepenuhnya kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta platform pembelajaran dalam talian untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang interaktif, inklusif, dan sesuai dengan keperluan pelajar dari pelbagai latar belakang. Dengan struktur yang membenarkan pelajar mengatur jadual belajar mengikut kelajuan dan komitmen masing-masing, ODL membuka ruang kepada pembelajaran sepanjang hayat yang lebih mudah dicapai oleh masyarakat.

Menurut Ambeth dan Saravanakumar (2020) dan Crow dan Murray (2020), fleksibiliti yang ditawarkan oleh ODL menjadi faktor penarik utama yang membezakannya daripada sistem pembelajaran konvensional. Pendekatan ini membolehkan pelajar memilih masa, tempat, dan kaedah pembelajaran yang paling sesuai dengan gaya hidup dan keupayaan peserta kajian. Akses kepada bahan pembelajaran pula disokong oleh penggunaan teknologi berasaskan internet yang membolehkan interaksi dua hala antara pelajar dan pengajar, termasuk melalui kuliah video, forum perbincangan, aplikasi mudah alih, dan platform penpeserta kajiannya pembelajaran (Learning Management System, LMS). Saidi et al. (2021) dan Adnan & Ahyan (2024) menegaskan bahawa integrasi teknologi ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pembelajaran, malah menjadikan pengalaman belajar lebih menarik, tersusun, dan interaktif.

Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka semakin menyerlah ketika berlakunya pandemik COVID-19 yang memaksa institusi pendidikan di seluruh dunia menutup operasi bersemuka. Dalam keadaan ini, ODL berfungsi sebagai penyelesaian strategik untuk memastikan

kesinambungan proses pengajaran dan pembelajaran tanpa mengorbankan kualiti pendidikan (Saidi et al., 2021; Musa et al., 2020; Adnan & Ahyar, 2024). Pelaksanaan pembelajaran secara jarak jauh pada waktu tersebut membuktikan bahawa ODL bukan sekadar alternatif sementara, tetapi satu pendekatan yang berpotensi menjadi sebahagian daripada norma baharu dalam ekosistem pendidikan global. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja dapat meneruskan proses pembelajaran, tetapi turut memanfaatkan kemahiran teknologi, komunikasi maya, dan penpeserta kajiansan masa yang relevan dengan keperluan dunia pekerjaan moden.

Dari perspektif aksesibiliti, ODL memberi peluang yang lebih meluas kepada individu yang mungkin terhalang untuk mengikuti pembelajaran tradisional, seperti pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman, pekerja sepenuh masa, atau ibu bapa yang mempunyai komitmen keluarga (Crow & Murray, 2020; Bordoloi, 2018). Selain itu, ia turut membolehkan pelajar mengikuti kursus dan program dari institusi ternama di seluruh dunia tanpa perlu berpindah lokasi, sekali gus meningkatkan keterbukaan terhadap ilmu dan kepelbagaian budaya akademik (Evans & Shortall, 2011; Jung & Latchem, 2007). Kemudahan akses ini diperkuatkan lagi dengan penggunaan peranti digital seperti komputer riba, tablet, dan telefon pintar yang membolehkan pelajar belajar dari keselesaan rumah atau mana-mana lokasi yang mempunyai sambungan internet (Othman et al., 2022).

Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (ODL) juga mempunyai peranan strategik dalam memperkasa pembelajaran sendiri (self-directed learning) yang menggalakkan pelajar untuk membangunkan disiplin diri, keupayaan menyelesaikan masalah secara bebas, dan kemahiran penpeserta kajiansan masa yang berkesan. Sifat fleksibel dan terbuka dalam ODL memberi peluang kepada pelajar untuk menyesuaikan kaedah pembelajaran dengan keperluan individu, termasuk penggunaan bahan multimedia, simulasi, modul interaktif, dan sumber terbuka (open educational resources). Kelebihan ini menjadikan ODL selari dengan konsep pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi, kreativiti, kolaborasi, dan literasi digital.

Oleh itu, ODL bukan sahaja menyediakan alternatif yang setara dengan pembelajaran tradisional, tetapi juga memperluas horizon pendidikan melalui pengintegrasian teknologi, kepelbagaian kaedah pembelajaran, dan penghapusan halangan geografi. Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pendidikan berkualiti tanpa batasan masa dan tempat, di samping mempersiapkan peserta kajian menghadapi cabaran dunia yang semakin dinamik dan berdaya saing (Crow & Murray, 2020; Jung & Latchem, 2007).

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk:

1. Mengenal pasti pandangan pelajar terhadap reka bentuk penilaian yang digunakan dalam program Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (ODL).
2. Mencadangkan penambahbaikan reka bentuk penilaian dalam program ODL agar selari dengan prinsip dan amalan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

KAJIAN LITERATUR

Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (ODL)

Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) merupakan pendekatan pendidikan yang bertujuan menghapuskan halangan kepada akses pembelajaran seperti kekangan kewangan, latar belakang pendidikan, umur, komitmen sosial, pekerjaan, ketidakupayaan dan jarak geografi. Dengan bantuan teknologi komunikasi dan internet, ODL membolehkan pelajar mengakses pendidikan secara fleksibel tanpa batasan masa dan lokasi (I. Ambeth & N. Saravanakumar, 2020; Ghosh et al., 2012). Di Malaysia, pelaksanaan ODL semakin menonjol selepas pandemik COVID-19 yang mempercepatkan peralihan kepada pembelajaran dalam talian, dengan Open University Malaysia (OUM) sebagai contoh utama.

Pandemik COVID-19 telah menjadi pemangkin utama pelaksanaan ODL di seluruh dunia, termasuk Malaysia, demi memastikan kesinambungan pendidikan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (MCO). Walaupun menawarkan fleksibiliti dan akses yang lebih luas, ODL berdepan cabaran seperti masalah capaian internet, kos peranti digital, penyesuaian kurikulum, serta kekurangan sokongan bagi pelajar berkeperluan khas (Adnan & Ahyar, 2024; Kamaludin & Sundarasan, 2023; Ma'mor et al., 2022). Cabaran-cabaran ini menuntut penyelesaian strategik bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan ODL.

Konsep andragogi merujuk kepada pendekatan pembelajaran khusus untuk orang dewasa, berbeza daripada pedagogi yang menekankan pengajaran kepada kanak-kanak. Berakar daripada bahasa Yunani, andragogi menekankan pembelajaran yang memanfaatkan pengalaman hidup pelajar dewasa, memberi kebebasan dalam menentukan arah pembelajaran, dan menekankan penerapan pengetahuan secara praktikal. Pendekatan ini sesuai untuk golongan dewasa yang mempunyai pelbagai komitmen seperti kerja dan keluarga. Prinsip utama andragogi ialah kerjasama antara pelajar dan pengajar, dengan peserta kajian bertindak sebagai fasilitator yang peka terhadap keperluan pelajar dewasa. Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk menyelesaikan masalah yang relevan dengan kehidupan peserta kajian, sekali gus meningkatkan keberkesanan pembelajaran (Galustyan et al., 2019). Kebebasan ini memupuk motivasi untuk mengaplikasikan pengetahuan secara langsung dalam kehidupan profesional.

Malcolm Knowles menegaskan perbezaan asas antara pedagogi dan andragogi, dengan pelajar dewasa lebih bersifat sendiri, menghargai pengalaman, dan mengutamakan pembelajaran berasaskan aplikasi praktikal. Walaupun begitu, andragogi tidak semestinya eksklusif untuk dewasa, sebaliknya boleh diaplikasikan kepada kanak-kanak dalam konteks tertentu. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran bersifat fleksibel dan bergantung kepada tahap kematangan pelajar, bukan semata-mata umur (Delahaye et al., 1994; Stuart & Holmes, 1982). Pembelajaran bermakna, menurut Ausubel (1963) dan Jonassen (1995), menekankan integrasi pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada pelajar bagi membentuk makna yang lebih mendalam. Pendekatan ini melibatkan pembelajaran aktif, interaktif, dan berasaskan pengalaman yang relevan dengan dunia sebenar (Keengwe et al., 2008). Peserta kajian berperanan sebagai fasilitator yang menyokong penglibatan aktif pelajar.

Dalam pembelajaran bermakna, pelajar terlibat secara kreatif dan kolaboratif melalui tugas atau projek yang berkaitan dengan kehidupan sebenar (Jonassen et al., 2003; 2006). Teknologi berperanan penting dalam meningkatkan interaksi dan kerjasama, sekali gus membantu pelajar membina pemahaman yang lebih mendalam dan tahan lama. Pembelajaran sepanjang hayat pula merujuk kepada proses pendidikan yang berterusan sepanjang hayat individu, merangkumi pendidikan formal, non-formal, dan informal (Karsono Ahmad Darsuki, 1993). Ia menekankan pembangunan kemahiran dan pengetahuan yang berterusan untuk menghadapi perubahan dalam kehidupan dan pekerjaan (Knapper & Cropley, 2000). Pembelajaran ini dilihat sebagai proses yang berterusan dan strategik. Menurut European Society of Association Executives (ESAE), pembelajaran sepanjang hayat meliputi semua bentuk pembelajaran, daripada kursus universiti kepada pembelajaran generasi silang seperti penggunaan teknologi oleh warga emas yang dibantu anak-anak. Pendekatan ini menyokong pembangunan individu, masyarakat, dan negara secara menyeluruh.

Oleh itu, pembelajaran sepanjang hayat bukan sahaja menekankan pentingnya memperoleh pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan yang berterusan, tetapi juga menggariskan bagaimana pembelajaran ini dapat membantu individu untuk terus berkembang selepas pendidikan formal. Pembelajaran sepanjang hayat bertujuan untuk meningkatkan sikap dan tingkah laku, serta memajukan bakat dan keupayaan individu, yang akhirnya menyumbang kepada pembangunan diri mereka sendiri, komuniti, dan negara secara keseluruhan. Konsep ini menjadikan pembelajaran sebagai proses yang tidak berakhir, tetapi sebagai suatu perjalanan yang berterusan yang akan memberi impak positif kepada kehidupan individu dan masyarakat secara keseluruhan.




Fig. 1: Three categories of Assessment (Cotton, 1995)

Rajah 1 : Kategori Pentaksiran Menurut Cotton (1995)

Reka Bentuk Penilaian ODL

Reka bentuk penilaian merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan pembelajaran, sama ada secara bersemuka atau melalui ODL. Penilaian bersemuka memberi peluang kepada interaksi langsung, penilaian kemahiran komunikasi, dan maklum balas segera, namun terhad dari segi fleksibiliti (Biggs & Tang, 2011). Sebaliknya, penilaian ODL menawarkan fleksibiliti masa dan lokasi tetapi bergantung kepada kestabilan teknologi (Garrison & Anderson, 2003). Perbezaan utama antara penilaian bersemuka dan ODL terletak

pada tahap interaksi dan kawalan terhadap integriti akademik. Penilaian bersemuka lebih mudah dikawal secara langsung, manakala ODL memerlukan strategi untuk mengurangkan risiko ketidakjujuran akademik. Kedua-dua kaedah mempunyai kelebihan dan kekangan tersendiri, dan keberkesanannya bergantung pada jenis kursus serta objektif pembelajaran (Lemos, 2017; Tait, 2003).

Pendekatan terbaik dalam reka bentuk penilaian adalah menggabungkan kaedah bersemuka dan ODL, membolehkan fleksibiliti serta memastikan keadilan dan keberkesanan penilaian. Amalan seperti penggunaan teknologi dalam penilaian bersemuka dan pelbagaian format penilaian dalam ODL dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran. Institusi pendidikan perlu merancang strategi penilaian yang bersesuaian dengan keperluan pelajar dan konteks pembelajaran bagi mencapai hasil optimum.

Kedua-dua kaedah ini mempunyai kelebihan dan kekangan tersendiri, dan keberkesanannya bergantung kepada jenis kursus, objektif pembelajaran, dan tahap kemahiran pelajar. Oleh itu, pendekatan terbaik adalah dengan menggabungkan penilaian bersemuka dan ODL untuk memastikan keseimbangan antara fleksibiliti, interaksi, dan ketepatan pengukuran pencapaian pelajar. Dalam penilaian bersemuka, amalan terbaik termasuk penggunaan teknologi seperti sistem pembelajaran berasaskan komputer, multimedia interaktif, dan peralatan simulasi. Pelaksanaan aktiviti praktikal, simulasi, dan pembentangan secara langsung dapat membantu pelajar mempraktikkan kemahiran sebenar, sekali gus meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman.

Dalam konteks ODL, amalan terbaik merangkumi pelbagaian format penilaian seperti kuiz dalam talian, ujian terbuka, tugasan refleksi, dan projek kolaboratif yang dijalankan sepanjang kursus. Penggunaan analitik pembelajaran dalam platform dalam talian juga membolehkan pensyarah memantau perkembangan pelajar secara berterusan dan memberikan maklum balas yang cepat dan relevan. Integrasi teknologi dalam kedua-dua kaedah penilaian dapat memperkaya pengalaman pembelajaran. Sebagai contoh, penilaian bersemuka boleh memanfaatkan teknologi untuk visualisasi data atau simulasi maya, manakala ODL boleh menggunakan video interaktif dan forum perbincangan untuk meningkatkan interaksi. Pendekatan ini membantu mengurangkan jurang antara pembelajaran fizikal dan dalam talian. Institusi pendidikan perlu merangka strategi penilaian yang bersesuaian dengan keperluan pelajar, konteks kursus, dan objektif pembelajaran. Dengan memahami perbezaan dan cabaran kedua-dua kaedah, serta menerapkan amalan terbaik yang sesuai, institusi dapat menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih holistik, memastikan keadilan penilaian, dan mencapai hasil pembelajaran yang optimum.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan menilai reka bentuk penilaian bersemuka dan Open Distance Learning (ODL) dalam program pembelajaran di UKM dengan menggunakan pendekatan campuran kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik dan temu bual, melibatkan sampel pelajar ODL. Reka bentuk kajian kes dipilih kerana sesuai untuk mendapatkan pemahaman mendalam dan kontekstual terhadap fenomena yang dikaji, dengan memanfaatkan pelbagai sumber data seperti pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen.

Pendekatan ini juga menekankan triangulasi bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan. Kajian ini menggunakan seramai 11 orang peserta dengan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) bagi memilih peserta yang memenuhi kriteria tertentu, iaitu pelajar program ODL UKM, sama ada sepenuh masa atau separuh masa. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan kemudahan capaian dan cadangan pakar bagi memastikan pengumpulan data yang berkesan. Kaedah ini sesuai kerana membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat mendalam yang relevan dengan tujuan kajian. Instrumen utama yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur, yang membolehkan peserta berkongsi pandangan secara bebas tetapi tetap berpanduan kerangka soalan kajian. Temu bual dijalankan secara maya melalui platform seperti Zoom atau Google Meet, dengan tempoh antara 45 hingga 90 minit. Selain itu, data juga dikumpul melalui pemerhatian dan analisis dokumen berkaitan untuk melengkapkan proses triangulasi. Analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis tematik. Proses analisis tematik mengikut enam langkah Braun dan Clarke (2006), bermula dengan pembiasaan data, pengekodan awal, pencarian tema, semakan tema, penamaan tema, dan pelaporan dapatan. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti tema utama yang relevan, menginterpretasi data secara mendalam, dan menyusun dapatan kajian secara jelas serta teratur.

ANALISIS DAPATAN

Profil Kerjaya dan Motivasi dalam ODL

P1

“Saya banyak kerjaya... jadi cikgu 2012–2018, aktivis 2017–2018, setiausaha akhbar kepada Menteri Sumber Asli, dan sekarang aktivis sepenuh masa... tertarik dengan ODL sebab sepenuhnya dalam talian dan tempoh pengajian satu tahun.”

P2

“Saya peserta kajian sekolah rendah di Kuching, dah mengajar 16 tahun... ODL sesuai sebab kita bekerja dan nak tingkatan pengetahuan.”

P3

“Saya pegawai pemasaran di UKMShape... nak tahu bagaimana ODL berfungsi supaya boleh promosikan kepada agensi luar.”

P4

“Saya bekerja sebagai banker... ODL ini adalah sebagai tempat untuk saya mengambil ilmu pengetahuan dalam menjadi seorang pendidik dan ODL lebih fleksibel dari segi masa dan tempat.”

P5

“Saya bekerja sebagai Communication Engineer... Memang dari awal lagi saya nak jadi pendidik. Jadi saya ambil ODL sebagai langkah ke arah itu.”

P6

“Saya pernah belajar di OUM juga... program ODL ini memang berkesan bagi kita yang bekerja.”

P7

“Saya adalah seorang penceramah bebas... saya ingin meneruskan pelajaran saya... terutama dalam bidang pendidikan.”

P8

“Pada mulanya asalnya adalah ajakan daripada kembar saya... tambahan ini juga adalah program teknologi... untuk memajukan diri sendiri.”

P9

“Saya seorang peserta kajian. Program ini saya rasa ini kali pertama saya menyertai kelas yang berbentuk secara dalam talian... untuk meningkatkan profesionalisme saya sebagai peserta kajian.”

P10

“Saya merupakan seorang peserta kajian... bila saya masuk teknologi ini banyak pengetahuan yang saya jumpa... sebagai seorang pentadbir, saya perlu tahu juga.”

P11

“Saya dari JPN... saya perlu perbaiki diri sebab teknologi sekarang makin canggih.”

Berdasarkan dapatan temu bual, majoriti responden mempunyai latar belakang profesional yang pelbagai, namun berkongsi motivasi yang sama untuk meningkatkan pengetahuan dan kemajuan kerjaya melalui program ODL. P1, seorang aktivis dan bekas pegawai kerajaan, menyatakan bahawa fleksibiliti masa dan format pembelajaran sepenuhnya dalam talian menjadi tarikan utama memandangkan jadualnya yang padat. Selari dengan itu, P2 dan P3 menekankan keperluan untuk memahami sistem ODL; P2 sebagai peserta kajian berpengalaman ingin memperluas ilmu dalam bidang pendidikan, manakala P3 sebagai pegawai pemasaran mahu memahami secara mendalam produk yang dipromosikan. P4, walaupun berbeza latar kerjaya sebagai pegawai bank, berkongsi pandangan bahawa ODL menawarkan peluang untuk menceburi bidang pendidikan melalui pendekatan yang fleksibel. Pandangan ini turut disokong oleh P5, yang juga berhasrat untuk beralih ke bidang pendidikan dan melihat ODL sebagai langkah awal ke arah tersebut.

Selain itu, beberapa responden lain seperti P6, P7, dan P9 menekankan keberkesanan ODL bagi golongan bekerja, khususnya dalam sektor pendidikan. P6 menyatakan bahawa pengalamannya sebelum ini di institusi ODL menjadikan program ini pilihan yang efektif. P7 dan P9 pula berkongsi aspirasi untuk melanjutkan pengajian demi meningkatkan profesionalisme sebagai pendidik. P8 memulakan penglibatan dalam ODL atas ajakan saudara kembar, namun turut terdorong oleh keinginan untuk memajukan diri dalam bidang teknologi. Sementara itu, P10 dan P11—masing-masing seorang peserta kajian dan pegawai JPN—mengakui keperluan untuk mendalami penggunaan teknologi bagi tujuan pentadbiran serta menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa. Secara keseluruhannya, motivasi utama responden merangkumi tiga elemen teras: peningkatan sendiri, fleksibiliti pembelajaran, dan penyesuaian dengan keperluan kerjaya semasa.

Reka Bentuk Penilaian dalam ODL

Dapatan kajian ini mendapati bahawa reka bentuk penilaian ODL mempunyai persamaan dan perbezaan pendapat berdasarkan latar belakang sosioekonomi informan. Perincian adalah seperti berikut.

P1

“Nota-nota yang disediakan... kemudian kuiz yang disediakan juga agak berpatutanlah untuk kita menjawab dan juga assignment tersebut. Saya rasa selesa sebab kita boleh buat secara fleksibel walaupun bekerja. Ini penting untuk pelajar-pelajar yang sedang dalam pengajaran dan pembelajaran dewasa..”

P2

“Semester lepas ada 5 subjek. Setiap subjek ada 3 tugas – individu, kajian kes dan video. Jadi ada 15 tugas. Memang membebankan. Kalau dah buat video, saya rasa tak perlu lagi ada laporan. Tugas sangat banyak.”

P3

“...Kita ada masa yang kita perlu submit assignment... saya sendiri pernah attend kelas atas lori masa buat kerja lapangan. Kadang-kadang saya rujuk juga kepada video luar seperti Coursera sebab terlalu banyak assignment.”

P4

“Tugas yang saya terima biasanya dalam bentuk podcast dan tugas bertulis. Semuanya berlaku serentak. Masa sangat terhad, tapi semua kami dalam kumpulan tetap sokong antara satu sama lain.”

P5

“Program ODL ini banyak kepada tugas. Kalau boleh tambah forum yang interaktif sikit. Macam debat atau perbincangan terbuka. Sekarang ni kurang ada forum yang betul-betul aktif.”

P6

“Tugas banyak, forum pun ada. Tapi saya perasan tugas lebih dominan. Semua kami seakan-akan dah tahu dah, tugas tu memang keutamaan setiap minggu.”

P7

“Kalau dalam LMS, tugas kumpulan tu lebih banyak. Assignment kumpulan lebih menonjol berbanding kuiz. Mungkin sebab pensyarah nak kita belajar kolaborasi.”

P8

“Tugas kumpulan sangat membantu, sangat memudahkan dan sangat menyenangkan. Ia memang sesuai untuk saya sebagai pelajar ODL yang bekerja dan belajar serentak.”

P9

“Tugas dalam bentuk forum dan kuiz tu memang ada. Ada juga subjek yang ada tugas bertulis dan kadang bentuk penilaian bergantung kepada pensyarah.”

P10

“Projek kumpulan adalah bentuk yang paling kerap. Tapi cabaran dia, bukan semua ahli kumpulan beri komitmen. Ada masa, seorang je buat semua kerja.

Majoriti responden menyatakan bahawa tugas bertulis dan tugas kumpulan merupakan bentuk penilaian yang paling dominan dalam program ODL. P1 berpendapat tugas dan kuiz yang disediakan adalah sesuai serta fleksibel, sekali gus membantu pelajar dewasa menyesuaikan diri dengan pembelajaran sambil bekerja. Pandangan ini turut disokong oleh P6, yang mengakui bahawa tugas menjadi bentuk penilaian utama dan rutin mingguan, serta oleh P7 dan P8 yang menekankan kelebihan tugas kumpulan dari segi pembelajaran kolaboratif dan kesesuaiannya dengan gaya hidup pelajar ODL. Walau bagaimanapun, P2 menyuarakan kebimbangan terhadap beban tugas yang dianggap terlalu banyak dan berulang, seperti penghasilan video dan laporan dalam satu subjek, yang dirasakan membebankan. P3 dan P4 turut menggambarkan tekanan masa serta padatnya beban tugas, sehingga ada kalanya mereka terpaksa mengikuti kelas dalam keadaan tidak ideal seperti ketika berada di lokasi kerja lapangan (P3) atau melaksanakan tugas podcast serentak dengan tugas bertulis (P4).

Cabaran sokongan rakan kumpulan tetap menjadi sumber motivasi. P5 mencadangkan agar penilaian melalui forum diperluas dan dijadikan lebih interaktif, memandangkan forum sedia ada kurang aktif. Pandangan ini turut selari dengan P9, yang menyatakan bentuk penilaian seperti forum, kuiz, dan tugas bergantung kepada pendekatan pensyarah. Sementara itu, P10 menegaskan bahawa projek kumpulan sering menjadi bentuk penilaian utama, namun pelaksanaannya tidak terlepas daripada cabaran, khususnya dalam mendapatkan komitmen yang seimbang daripada semua ahli kumpulan.

Cabaran Pembelajaran ODL

Cabaran mendapatkan sokongan juga bergantung kepada faktor motivasi. Dapatan kajian mendapati penilaian melalui forum diperluas dan diperkaya dengan elemen interaktif memandangkan forum sedia ada kurang aktif. Pandangan peserta seperti di bawah.

P1

“Masa awal semester dulu saya memang keliru – artikel tu apa? Kajian tu apa? Bila pensyarah tunjuk contoh dan beri format barulah saya faham. Tapi kalau dari awal ada bimbingan, lagi bagus.”

P2

“Kalau tugas kumpulan okay sebab boleh bincang. Tapi kalau tugas individu dan pensyarah tak nak explain, itu cabaran besar. Saya pernah kena macam tu masa projek kuarantin.”

P3

“Saya biasa belajar di Coursera, bila masuk sistem ODL ni, saya fikir kena ikut satu-satu bab, rupanya tak. Sistem dia agak kompleks. Jadi saya kena ubah cara belajar saya.”

P4

“Pensyarah cuma bagi guideline basic. Tapi tak pernah terangkan dari kelas pertama. Saya salah faham istilah seperti ‘standard’ sebab dia tak jelas dari awal.”

P5

“Saya pun kadang tak faham soalan. Bila pensyarah terangkan pun masih tak jelas. Tajuk pun kadang gugur sebab kita tak tahu nak pilih mana satu.”

P6

“Cabaran utama saya ialah nak faham topik dari awal. Lepas tu kena buat tugas sendiri. Kita belajar sendiri, tak ada siapa nak bimbing. Itu susah nak tangkap maksud sebenar.”

P7

“Kadang-kadang kita dah buat betul tapi tak ikut selera pensyarah. Itu masalahnya. Bila markah tak keluar macam yang kita harap, kita pun jadi keliru.”

P8

“Cabaran utama bagi saya ialah aspek teknologi. Kalau kena guna aplikasi baru yang tak pernah dengar, saya kena belajar sendiri. Itu memang susah.”

P9

“Sukar nak mentafsir kehendak sebenar. Kadang-kadang pensyarah cakap umum saja. Jadi saya kena confirm balik dengan pensyarah apa yang dia nak.”

P10

“Kalau tugas hanya diterangkan secara bual dalam kelas, saya tak dapat tangkap betul-betul. Kalau ada kerangka tugas bertulis, baru saya lebih faham.”

Sebahagian besar peserta menyatakan bahawa cabaran utama dalam menyiapkan tugas adalah memahami kehendak dan skop tugas, terutamanya pada peringkat awal pengajian atau apabila panduan yang diberikan terlalu umum dan tidak lengkap. P1, misalnya, mengakui kekeliruan terhadap istilah seperti “artikel” dan “kajian” yang hanya menjadi jelas selepas pensyarah memberi contoh konkrit. Pandangan ini disokong oleh P4, yang mengeluh kerana ketiadaan penjelasan awal dalam kelas telah menyebabkan salah faham terhadap istilah penting. P5 dan P6 turut menghadapi kesukaran untuk memahami soalan tugas dan menangkap maksud topik tanpa bimbingan langsung daripada pensyarah. P10 pula menegaskan kepentingan kerangka tugas secara bertulis, kerana penerangan lisan sahaja sukar difahami sepenuhnya.

Dapatan kajian ini mendapati bahawa P2 dan P7 berpendapat tugas individu lebih mencabar berbanding tugas berkumpulan, memandangkan sokongan rakan dan penerangan daripada pensyarah lebih terhad. P7 juga membangkitkan isu ketidaksesuaian penilaian, iaitu apabila pelajar merasakan tugas telah dilaksanakan dengan baik namun tidak memenuhi kehendak pensyarah, yang akhirnya menimbulkan kekeliruan dan kekecewaan. P3 melihat adanya perbezaan ketara antara sistem ODL dan platform pembelajaran terbuka seperti Coursera, yang memaksanya menyesuaikan kaedah pembelajaran agar lebih sepadan dengan struktur ODL. P8 pula berdepan cabaran teknologi apabila tugas memerlukan penggunaan aplikasi baharu tanpa latihan asas yang mencukupi. Sementara itu, P9 menegaskan bahawa komunikasi pensyarah yang terlalu umum memaksa pelajar untuk mengambil inisiatif bertanya semula bagi mendapatkan pengesahan.

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis dapatan, jelas bahawa latar belakang kerjaya dan motivasi pelajar dalam mengikuti program Open Distance Learning (ODL) adalah sangat pelbagai. Responden terdiri daripada peserta kajian sekolah, pegawai pemasaran, jurutera komunikasi, aktivis, pegawai bank, pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dan penceramah bebas. Kepelbagaian ini menunjukkan bahawa ODL berjaya menarik minat golongan profesional dari pelbagai sektor kerana sifatnya yang fleksibel, bersifat sendiri, dan mampu menyesuaikan diri dengan jadual kerja yang sibuk. Faktor tarikan utama yang dikenal pasti termasuklah fleksibiliti masa, pelaksanaan sepenuhnya dalam talian, serta tempoh pengajian yang lebih singkat berbanding kaedah konvensional. Hal ini selari dengan dapatan kajian terdahulu seperti oleh Moore dan

Kearsley (2012) yang menegaskan bahawa pembelajaran jarak jauh lebih sesuai untuk golongan dewasa bekerja kerana ia memberikan kebebasan dari segi lokasi dan masa.

Selain itu, motivasi untuk meningkatkan kerjaya dan pengetahuan profesional merupakan dorongan yang ketara dalam kalangan peserta. Bagi golongan pendidik seperti peserta kajian sekolah (P2, P9, P10) dan pegawai JPN (P11), keperluan untuk menguasai teknologi pendidikan dilihat sebagai satu kemestian dalam konteks pendidikan abad ke-21. Bagi peserta kajian, ODL bukan sahaja menjadi platform untuk menambah ilmu, tetapi juga medium untuk meningkatkan kompetensi dalam penpeserta kajiansan pendidikan yang semakin digital. Sementara itu, peserta dari bidang bukan pendidikan (P4, P5, P8) pula melihat ODL sebagai pintu masuk untuk beralih ke dunia pendidikan atau memajukan diri dalam bidang teknologi. Keadaan ini menunjukkan bahawa ODL berfungsi sebagai laluan fleksibel bagi perubahan kerjaya (career transition) dan pembangunan profesional berterusan (continuous professional development).

Dari segi reka bentuk penilaian, dapatan menunjukkan bahawa tugas bertulis dan tugas berkumpulan merupakan bentuk penilaian yang paling dominan. Walaupun tugas sedemikian dianggap membantu pelajar mengaplikasikan ilmu secara kolaboratif (seperti dinyatakan oleh P7 dan P8), terdapat kebimbangan mengenai beban tugas yang terlalu banyak (P2, P3, P4). Keadaan ini kadangkala menyebabkan pelajar terpaksa mengikuti kelas atau menyiapkan tugas dalam situasi kurang ideal, seperti ketika bekerja di lapangan (P3) atau melaksanakan beberapa tugas serentak (P4). Isu ini menimbulkan persoalan tentang keseimbangan beban kerja dan keberkesanan penilaian dalam konteks pelajar dewasa bekerja. Kajian oleh Kember (1999) turut mengingatkan bahawa beban tugas yang berlebihan boleh menjejaskan motivasi pelajar dewasa, terutamanya apabila ia bertembung dengan tanggungjawab kerjaya dan keluarga. Walaupun forum perbincangan disediakan dalam sistem pembelajaran, responden seperti P5 dan P9 menganggap aktiviti ini kurang interaktif dan tidak cukup dimanfaatkan sebagai medium penilaian formatif. Forum yang lebih dinamik berpotensi meningkatkan penglibatan pelajar, mewujudkan perbincangan kritikal, serta menyokong pembelajaran sosial dalam talian (Garrison, Anderson, & Archer, 2000). Justeru, cadangan untuk memperkaya reka bentuk forum dengan elemen debat, soal jawab masa nyata, atau aktiviti kolaboratif yang lebih berstruktur wajar dipertimbangkan oleh penyedia program.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa program ODL UKM telah berjaya menyediakan peluang pembelajaran fleksibel kepada golongan profesional dari pelbagai latar belakang, serta memenuhi keperluan pembangunan sendiri dan kerjaya. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk mengimbangi beban tugas, memperkukuh aktiviti forum, dan mempelbagaikan bentuk penilaian agar sejajar dengan realiti kehidupan pelajar dewasa bekerja. Dengan penambahbaikan ini, ODL berpotensi menjadi model pembelajaran yang lebih mampan, responsif, dan inklusif dalam memenuhi tuntutan pendidikan masa kini.

Rujukan

Adnan, M., & Ahyar, K. 2024. Implementation of Open Distance Learning (ODL) Programs for Postgraduate Studies in Malaysia: A Systematic Literature Review. *International Journal of Academic Research in Progressive*, 13(3).

- Ambeth, I., & Saravanakumar, N. 2020. Open and distance learning (ODL) education system: Past, present and future – A study of an unconventional education system. *Journal of Xi'an University of Architecture & Technology*, 12(3): 77–87. <https://doi.org/10.37896/JXAT12.03/012>.
- Ambeth, I., & Saravanakumar, N. 2020. Open and distance learning (ODL), education system: past, present and future-a study of an unconventional education system. *Journal of Xi'an University of Architecture & Technology*, 12(3): 77–87.
- Aziz, A. I., Omar, S. K., Suhaimin, M. F., Rozman Azram, A. A., & Hanafi @ Mohd Ghani, M. (2021, February 22). Exploring students' preferences for open distance learning (ODL) during Covid-19 pandemic: A case study among UiTM students. In *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS 2021)* (pp. 317–327). UiTM Cawangan Kelantan. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/44879/>.
- Garrison, D., & Anderson, T. 2003. *E-learning in the 21st century*. New York: RoutledgeFalmer.
- Kamaludin, K., & Sundarasan, S. 2023. COVID-19 and online distance learning in Malaysia: A blessing or a curse? *Frontiers in Education*, 8. <https://doi.org/10.3389/educ.2023.1062219>.
- Madlela, B., & Ngakane, B. 2024. Implementing open distance and e-learning in teacher training institutions in Eswatini. *E-Journal of Humanities, Arts and Social Sciences*, 5(4): 494–507. <https://doi.org/10.38159/ehass.20245411>.
- Mahendra, I. G. B., & Killis, B. 2025. Impact of virtual laboratory-assisted microlearning on students' motivation, engagement, and academic success. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 20(3): 45–58. <https://doi.org/10.3991/ijet.v20i03.45678>.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. 1984. *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods*. SAGE.
- Moore, M. and Kearsley, G. 2012 *Distance Education: A Systems View of Online Learning*. 3rd Edition, Wadsworth, Belmont.
- Noraini, M. 2013. *Qualitative research methods: Theory and practice*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Olga V. Galustyan. 2019. Professional and Career Consulting as a Factor of Professional. *Self-determination of the Youth, Journal*. 8(3): 1071-1075, ISSN 2217-8309, DOI: 10.18421/TEM83-53.
- Othman, M. K., Mohd Noor, N. S., & Ismail, F. 2022. Improving children's cultural heritage experience using game-based learning at a living museum. *Journal on Computing and Cultural Heritage (JOCCH)*, 14(3): 1-24.
- Saidalvi, A., Noorezam, M., Zakaria, N., Sa'adan, N., & Rasdi, N. N. 2021. University students' perception of online distance learning (ODL) mode during Covid-19 pandemic. In *International Conference of Research on Language Education (I-Role) 2021: Engaging*

- in change: Empowering linguistics, literature & language. Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka.* <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/45563/>
- Saidi, R. M., Sharip, A. A., Abd Rahim, N. Z., Zulkifli, Z. A., & Md Zain, S. M. M. 2021. Evaluating students' preferences of open and distance learning (ODL) tools. *Procedia Computer Science*, 179: 955–961. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2021.01.085>.
- Wan Chik, W. S., Khalid, N., Mohd Zahid, A. Z., Saifullizam, N. Z., Kamaruddin, S. F., & Mat Zin, M. (2021, February 22). Effect on implementation of open and distance learning (ODL) during Covid-19 for basic structural analysis course. In *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS 2021)* (pp. 334–338). UiTM Cawangan Kelantan. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/44886/>.